

RMKe-12: JBPM perlu peruntukan besar sediakan kemudahan latihan tangani cabaran baru

BH ONLINE | Isnin, 14 Oktober 2019 | 2:47pm



Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Datuk Mohammad Hamdan Wahid. - NSTP/Luqman Hakim Zubir

KUCHING: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) memerlukan peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), khusus bagi menambah aset bagi menghadapi pelbagai cabaran baharu akibat perubahan iklim dunia.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohammad Hamdan Wahid, menjelaskan peruntukan besar itu perlu bagi membangunkan semua aspek, terutama berhubung keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Katanya, ia merangkumi peningkatan keupayaan menangani kebakaran, mencari dan menyelamatkan, penyelamatan serta khidmat kemanusiaan.

“Tugas bomba kini semakin mencabar berikutan perubahan iklim yang menyebabkan geologi bumi semakin tidak stabil.

“Dahulu negara kita tidak termasuk dalam kawasan lingkaran api Pasifik, tetapi sekarang kita sudah nampak perubahan apabila berlaku gempa bumi, tsunami, taufan malah banjir dan kemarau yang ekstrem,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Program Pemantapan Ketua Zon dan Ketua Balai, di sini, hari ini.

Seramai 70 Ketua Zon dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) dari Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan menghadiri program lima hari itu yang akan berakhir Jumaat ini.